

25 MAY 2001

ABDULLAH-IKS

PENGUSAHA IKS DISERU PERLUAS PASARAN ANTARABANGSA

KOTA BAHARU, 25 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini berkata kejayaan pengeluar-pengeluar Malaysia bersaing dalam pasaran tempatan seharusnya memberi keyakinan kepada pengusaha industri kecil dan sederhana (IKS) untuk menerokai pasaran antarabangsa yang lebih luas.

Ini boleh menghasilkan keuntungan yang lebih baik, kata Timbalan Perdana Menteri itu.

Beliau berkata sebagai permulaan pengusaha IKS harus berusaha untuk memasuki pasaran negara-negara Asean yang duti importnya sudah diturunkan kepada sifar hingga lima peratus seperti mana yang dilakukan oleh Malaysia.

"Selain itu, para pengusaha IKS mesti terus berusaha meluaskan pasaran di negara-negara yang kuasa membeli rakyatnya meningkat," katanya ketika merasmikan Konvensyen IKS di sini.

Abdullah mewakili Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi merasmikan konvensyen bertema "Ke Arah Perdagangan Global Menjelang Kawasan Perdagangan Bebas Asean (AFTA) 2003" anjuran Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Negeri Kelantan.

Abdullah berkata pengusaha IKS tidak boleh menggunakan alasan keadaan ekonomi dunia yang lembab untuk menyatakan mangapa mereka tidak harus berusaha mencari pasaran baru.

"Kerajaan pula boleh dianggap sebagai venture capitalist (pemodal teroka) yang menyokong kegiatan IKS tetapi sokongan kerajaan ini akan diteruskan hanya jika sikap pengusaha-pengusaha IKS tidak tertumpu kepada pasaran domestik sahaja," katanya.

Beliau berkata bagi melengkapkan diri untuk menjadi pengeluar yang lebih cekap dan berdaya saing, pengusaha IKS boleh menyertai Program Pembekal Global yang diperkenalkan kerajaan untuk meningkatkan daya saing dan keupayaan syarikat IKS tempatan.

Dalam program itu, mereka boleh menjadi pembekal komponen dan peralatan kepada syarikat multinasional dan syarikat-syarikat besar bukan sahaja di Malaysia tetapi juga kepada rangkaian operasi global.

Abdullah berkata syarikat-syarikat IKS juga perlu mempertingkatkan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) bagi meningkatkan produktiviti serta kecekapan.

"Perdagangan elektronik (e-dagang) perlu digunakan sepenuhnya oleh syarikat-syarikat IKS bagi membolehkan mereka berdagang bukan sahaja di pasaran tempatan bahkan juga dalam masa yang sama dapat menembusi pasaran global secara elektronik", katanya.

Beliau berkata kerajaan telah mengambil inisiatif untuk memperkemas dasar-dasar bagi menggalakkan perdagangan, perindustrian dan penggunaan teknologi moden dalam pengeluaran bagi memastikan produk-produk keluaran Malaysia dapat bersaing dengan jayanya di pasaran serantau dan global.

Katanya, semua perancangan dan program yang disediakan oleh kerajaan itu hanya akan berjaya jika pengusaha secara bersungguh-sungguh memanfaatkannya bagi memajukan perniagaan masing-masing.

Abdullah juga berkata syarikat IKS yang merangkumi 90 peratus daripada jumlah perusahaan yang beroperasi di negara ini, merupakan penyumbang penting kepada pembangunan ekonomi negara dengan membantu proses perindustrian negara sebagai penyokong dan pelengkap kepada sektor perkilangan.

"IKS menyumbang kira-kira 25 peratus kepada jumlah pengeluaran industri dan mewakili 30 peratus gunatenaga dalam sektor perkilangan," katanya.

Sehubungan itu, beliau berkata pengusaha IKS perlu menanam sikap dan matlamat sebagai pengeluar barangan yang terbaik sahaja, berkualiti tinggi dan dapat memenuhi keperluan pelanggan dan pasaran dengan harga yang kompetitif.

Abdullah juga berharap konvensyen yang diadakan hari ini yang turut disertai pengusaha IKS dari Thailand, Indonesia dan Brunei akan menjadi tempat mereka berkongsi pengalaman bagi meningkatkan daya saing menjelang AFTA.

Konvensyen itu juga diharap akan dapat mendedahkan pengusaha IKS kepada aspek peluang perniagaan yang akan muncul ekoran daripada proses liberalisasi perdagangan seluruh dunia, tambahnya. -- BERNAMA

BD JR